

# Harga simen naik sehingga 2.2 peratus bulan lalu

**Indeks** harga seunit simen merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus dan 2.2 peratus bagi kebanyakan kawasan pada Oktober 2023 berbanding bulan sebelumnya.

Namun begitu, terdapat pemanurunan dicatatkan bagi Perak (-0.2 peratus), Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (-0.3 peratus) serta Johor (-1.0 peratus), demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam laporan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) yang diterbitkan semalam.

Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata indeks seunit harga pasir turut merekodkan peningkatan antara 0.6 peratus dan 3.3 peratus bagi beberapa kawasan di Semenanjung dan Sarawak seperti di Perak (2.2 peratus), Selangor, Ku-

ala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan (0.6 peratus), Kuching (2.8 peratus) dan Miri (3.3 peratus).

Beliau berkata, indeks harga seunit bahan ini kekal tidak berubah bagi semua kawasan di Sabah.

"Namun begitu, perbandingan bulanan pada Oktober 2023 mencatatkan penurunan indeks harga seunit besi iaitu antara negatif 0.9 peratus dan negatif 3.5 peratus bagi hampir semua kawasan.

"Selain daripada itu, indeks harga seunit keratan keluli dan logam pula mencatatkan penurunan harga antara 0.3 peratus dan 1.1 peratus bagi hampir semua kawasan berbanding September 2023," katanya.



Mohd Uzir Mahidin

Mohd Uzir berkata, perbandingan tahunan untuk tempoh Oktober 2022 dan Oktober 2023 menunjukkan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 2.8 peratus dan 29.4 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Beliau berkata, peningkatan tertinggi indeks harga seunit simen adalah kawasan Kelantan dan Terengganu (29.4 peratus) diikuti kawasan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (25.7 peratus).

Katanya, indeks harga seunit besi pula mencatatkan penurunan antara 0.1 peratus hingga 5.8 peratus bagi Oktober 2023 berbanding bulan yang sama

tahun lalu.

"Walaubagaimanapun, terdapat peningkatan indeks harga seunit besi dicatatkan di Perak (0.6 peratus), Pulau Pinang, Kedah & Perlis (2.4 peratus) dan Sandakan (1.4 peratus).

Mohd Uzir menambah, purata harga simen (Ordinary Portland) mencatatkan peningkatan yang kecil iaitu 0.2 peratus dengan purata harga RM22.94 bagi 50 kilogram sekarang berbanding September 2023 (RM22.89 bagi 50 kilogram sekarang).

"Manakala, purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan Mycon 60 'high tensile deformed bars' adalah RM3,590.40 bagi setiap tan dengan peningkatan yang kecil iaitu 0.1 peratus berbanding bulan sebelumnya (RM3,587.62 satu tan)," katanya.

